

SULIT

1249/1



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2011

1249/1

(OTI 2)

SEJARAH SPM

Kertas 1

Ogos

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu, A, B, C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Disediakan oleh:

AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibayari oleh:

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dengan Kerjasama:

MPSM Negeri Terengganu

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:


Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

**[Libat sebelah
SULIT**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kepercayaan *politisme*?
- A. Penyembahan banyak tuhan
 - B. Kehidupan semula selepas mati
 - C. Kepercayaan kepada kuasa ghaib
 - D. Pemujaan roh nenek moyang
2. Maklumat di bawah merujuk kepada perubahan cara penyimpanan khazanah masyarakat tamadun Mesir Purba.



Perubahan tersebut berlaku disebabkan

- A. hasil ilham Imhotep
 - B. kemajuan pendidikan
 - C. adanya pokok papyrus
 - D. penghasilan hasil karya
3. Apakah persamaan bandar Harappa dan Mohenjo-Daro dalam tamadun Indus?
- A. Dijadikan bandar diraja
 - B. Dibina secara terancang
 - C. Diterajui golongan bangsawan
 - D. Dimajukan oleh orang Aryan
4. Bagaimanakah Chandragupta Maurya dalam tamadun India melaksanakan dasar perluasan empayar Maurya?
- A. Mengukuhkan perpaduan rakyat
 - B. Mengadakan perjanjian damai
 - C. Menyatukan kerajaan-kerajaan kecil
 - D. Melantik wakil pemerintah di kawasan taklukan
5. Mengapakah pendidikan di Athens dalam tamadun Yunani memberi penekanan kepada bidang sukan, seni berpidato dan kesusasteraan?
- A. Menanam sikap keberanian
 - B. Melatih pemimpin berwibawa
 - C. Melahirkan individu seimbang
 - D. Mengukuhkan semangat patriotisme

- 6 Apakah kesan pembinaan sistem pengairan kerajaan Angkor semasa pemerintahan Raja Indravarman I?
- A Memenuhi keperluan beras negara
 - B Mempergiatkan kegiatan penternakan
 - C Memajukan sistem tanaman bergilir
 - D Menyediakan kemudahan pengangkutan
- 7 Maklumat berikut menunjukkan inskripsi Telaga Batu yang terdapat di Palembang pada zaman Srivijaya.



Gambar 1

Mengapakah seseorang yang dilantik menjadi *datu* dikehendaki mengikuti upacara angkat sumpah di tempat tersebut?

- A Membuktikan ketaatan kepada raja
 - B Mempercayai kesaktian Telaga Batu
 - C Mengukuhkan kedudukan seseorang raja
 - D Menunjukkan persetujuan mengikut arahan Brahmin
- 8 Maklumat berikut menunjukkan pembahagian golongan masyarakat Arab Jahiliyah.

- Hadari
- Badwi

Masyarakat tersebut berbeza dari aspek

- A fahaman politik
- B tahap pendidikan
- C lokasi petempatan
- D taraf sosioekonomi

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan Surah al-Alaq.

Pada 6 Ogos tahun 610 M., bersamaan 17 Ramadhan, Allah telah menurunkan wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w. menerusi Jibril

Apakah implikasi turunnya wahyu tersebut?

- A Pengakhiran zaman Jahiliyah
- B Penyebaran dakwah Islamiah secara terbuka
- C Penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah
- D Pengisytiharan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pesuruh Allah

10

Perjanjian Aqabah Kedua	
Tahun	622 Masihi
Tempat	Bukit Aqabah
Kehadiran	• Nabi Muhammad s.a.w • Wakil puak Aus dan Khazraj

Apakah kesan perjanjian di atas?

- A Berakhirnya zaman Jahiliyah di Madinah
- B Berakhirnya penentangan puak Qura'isy Makkah
- C Berlakunya penyebaran Islam secara terbuka
- D Berlakunya peristiwa penghijrahan umat Islam

- 11 Apakah tujuan peperangan yang berlaku dalam sejarah perkembangan Islam?

- A Membalas dendam
- B Meluaskan kuasa dan empayar
- C Mempertahankan maruah agama
- D Mengukuhkan kedudukan ekonomi dan sosial

- 12 Mengapakah proses syura dan bai'ah amat penting dalam proses pelantikan khalifah?

- A Menjamin bakal pentadbir yang berkeelayakan
- B Memberi keyakinan kepada bakal pentadbir
- C Memuaskan hati golongan pentadbir
- D Memberi peluang kepada rakyat memilih pentadbir

13 Apakah tujuan sistem hijabah diperkenalkan oleh khalifah Muawiyah semasa pemerintahan kerajaan Bani Umayyah?

- A Menstabilkan keadaan politik
- B Menjamin keselamatan pemimpin
- C Menjaga perbendaharaan negara
- D Memperkukuhkan pertahanan negara

14 Maklumat berikut mengenai tokoh sejarawan Barat.

- John Crawford
- Snouck Hurgronje
- Emanuel Gadinho Eredia

Apakah persamaan sumbangan mereka?

- A Menterjemahkan karya falsafah Islam
- B Membukukan sastera Islam
- C Mengemukakan teori kedatangan Islam
- D Melakukan kajian perkembangan Islam

15 Maklumat di bawah merujuk pengaruh Islam di Asia Tenggara.

- Pesantren
- Dayah

Institusi tersebut merujuk kepada pusat

- A penterjemahan
- B perdagangan
- C pentadbiran
- D pendidikan

16 Maklumat di bawah menggambarkan Melaka menjadi tumpuan para ulama pada abad ke-15.

Ulama-ulama terdiri daripada pelbagai bangsa datang ke Melaka

Mengapakah berlakunya situasi demikian?

- A Tawaran jawatan dalam kerajaan
- B Kewujudan banyak pusat pengajian
- C Penubuhan institusi penterjemahan agama
- D Kesungguhan pemerintah terhadap ilmu pengetahuan

- 17 Maklumat di bawah merujuk kepada jawatan dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15.

Jawatan X
• Pentadbir pelabuhan • Menentukan kemajuan perdagangan

Jawatan tersebut merujuk kepada

- A Temenggung
B Laksamana
C Syahbandar
D Penghulu Bendahari
- 18 Mengapakah gerakan Reformation dapat berkembang dengan pesat di Jerman pada abad ke-16?
- A Penciptaan mesin cetak
B Campur tangan Paus
C Galakan raja
D Perkembangan perdagangan
- 19 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan Akta Kilang 1833 yang telah digubal bagi melindungi kepentingan pekerja di Britain?
- A Penggunaan mesin ditegah
B Pengambilan buruh mahir ditingkatkan
C Melarang wanita bekerja di lombong arang batu
D Melarang kanak-kanak bawah sembilan tahun bekerja
- 20 Maklumat berikut merujuk kepada perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu.

Tahun	Peristiwa
1922	Rancangan Sekatan Stevenson

Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Mengagihkan benih
B Mengawal kejatuhan harga
C Mengatasi masalah tenaga buruh
D Memperkenalkan cara penorehan

- 21 Mengapakah pelombong Eropah mampu bersaing dengan pelombong Cina dalam sektor perlombongan bijih timah pada abad ke-20 di Tanah Melayu?

A Kemampuan modal
B Tenaga buruh ramai
C Kemudahan pelabuhan
D Sokongan pembesar

- 22 Maklumat berikut menunjukkan kekayaan bahan mentah yang terdapat di Asia Tenggara pada awal abad ke 18.

Negara	Sumber utama
Tanah Melayu	Bijih timah
Filipina	Tebu dan kelapa

Apakah kesan kekayaan hasil tersebut kepada negara terlibat?

- A Berlaku Revolusi Pertanian
B Sasaran kuasa imperialis
C Perebutan kuasa pembesar
D Bermulanya perdagangan antarabangsa
- 23 Apakah faktor yang membawa kepada berlakunya gerakan nasionalisme di Thailand pada tahap pertama?

I Penguasaan politik oleh kerabat diraja
II Jawatan tinggi dikuasai pegawai Barat
III Pertambahan kemasukan imigran
IV Raja berkuasa mutlak

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 24 Apakah persamaan mesej yang ingin disampaikan melalui novel-novel di bawah?

Pengarang	Novel
Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako)	Anak Mat Lela Gila Putera Gunung Tahan

A Menjaga maruah bangsa
B Kebebasan wanita
C Kedudukan agama Islam
D Memartabatkan Bahasa Melayu

- 25 Apakah tujuan Kesatuan Melayu Muda (KMM) di Tanah Melayu membeli akhbar *Warta Malaya*?
- A Alat mengkritik raja-raja
 - B Menyampaikan berita
 - C Menyebarkan idea
 - D Alat propaganda

- 26 Maklumat berikut berlaku di Eropah pada abad ke-17 dan ke-18.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Revolusi Inggeris 1688• Revolusi Perancis 1789 |
|---|

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pemantapan kuasa gereja
 - B Pembentukan empayar
 - C Pengagihan kuasa pusat
 - D Pembinaan negara bangsa moden
- 27 Apakah ciri keistimewaan pembentukan kerajaan Islam di Madinah berbanding proses pembentukan negara bangsa di Eropah?
- A Dijayakan oleh khalifah
 - B Penyatuan melalui prinsip Islam
 - C Hanya memberi tumpuan kepada umat Islam
 - D Menolak segala fahaman yang berunsur Barat
- 28 Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap sistem pemerintahan beraja di Tanah Melayu?
- A Pelaksanaan sistem penasihat
 - B Penubuhan Majlis Raja-Raja
 - C Penyelarasan sistem pewarisan takhta
 - D Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan
- 29 Mengapakah penyerahan Sarawak oleh Charles Vyner Brooke kepada British pada tahun 1946 tidak dipersetujui oleh penduduk Sarawak?
- A Bercanggah dengan Perlembagaan 1941
 - B Bertentangan adat tradisi pribumi
 - C Mengugut pembesar bagi mendapat persetujuan
 - D Menghapus hak istimewa rakyat tempatan

30 Apakah langkah-langkah Dato' Onn Jaafar untuk melaksanakan Pakatan Murni di Tanah Melayu?

- I Penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum
- II Membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu
- III Menubuh Parti Kemerdekaan Malaya
- IV Mengubah perlembagaan UMNO

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Merujuk maklumat di bawah, apakah keputusan yang telah dicapai dalam rundingan tersebut?

Rundingan kemerdekaan Tanah Melayu telah berlangsung di London dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956

- A Menetapkan syarat kemerdekaan
- B Menentukan tempat pengisytiharan
- C Memutuskan corak pemerintahan negara
- D Membentuk suruhanjaya menggubal perlembagaan

32 Maklumat di bawah menunjukkan tokoh yang terlibat dalam proses kemerdekaan Tanah Melayu

- Lord Reid
- Sir Ivor Jennings
- Tuan B. Malik

Apakah sumbangan mereka?

- A Merundingkan kemerdekaan
- B Menggubal perlembagaan
- C Melaksanakan pilihanraya
- D Menubuhkan Persidangan Kebangsaan

- 33 Maklumat berikut merujuk kepada penubuhan parti politik di Sabah.

Tahun	Peristiwa
1961	Parti UNKO, USNO, Parti Pasok Momugun, Parti Bersatu dan Parti Demokratik membentuk Parti Perikatan Sabah

Apakah kesan penubuhan parti tersebut?

- A Menamatkan penguasaan pembesar tempatan
 - B Meneruskan sistem politik tradisional
 - C Merealisasikan pembentukan Malaysia
 - D Menjayakan pengasasan Persekutuan Borneo
- 34 Maklumat berikut adalah dua daripada cadangan ke arah pembentukan Malaysia.

Tokoh	Penggabungan
Lord Brassey	Sarawak dan Sabah (Borneo Utara), Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat
Sir Malcolm MacDonald	Sarawak, Sabah, Brunei, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu

Apakah tujuan penggabungan tersebut?

- A Menjamin kedudukan politik yang kukuh
 - B Memudahkan urusan perdagangan
 - C Membentuk perpaduan kaum
 - D Mengatasi masalah kemiskinan penduduk
- 35 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan ahli Dewan Negara di Malaysia?
- A Dipilih melalui pilihan raya
 - B Berumur 21 tahun ke atas
 - C Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong
 - D Menyandang jawatan selama lima tahun
- 36 Mengapakah kerakyatan seseorang warganegara boleh dilucut mengikut perlembagaan negara?
- A Mengunjungi luar negara melebihi lima tahun
 - B Mempunyai kerakyatan negara lain
 - C Menetap di negara lain
 - D Menjatuhkan imej negara

- 37 Pencapaian Rancangan Malaya Pertama kurang memberangsangkan.

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- I Kekurangan kepakaran
- II Meletusnya Perang Dunia Kedua
- III Ancaman komunis semasa darurat
- IV Kejatuhan harga getah dan bijih timah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 38 Mengapakah pakatan berikut diwujudkan di Eropah?

Perang Dunia Pertama	
Pakatan Bertiga	Perikatan Kuasa Tengah

- A Memupuk perpaduan dunia
- B Menganjurkan rundingan damai
- C Menyekat pengaruh komunis
- D Memulakan persaingan kuasa

- 39 Tujuan Rancangan Colombo yang diadakan oleh pertubuhan Komanwel ialah untuk

- A meningkatkan pembangunan ekonomi serantau
- B menyediakan bantuan biasiswa pendidikan
- C mengekalkan keamanan negara anggota
- D mempergiatkan hubungan perdagangan

- 40 Peristiwa berikut berlaku semasa Perang Dunia Kedua.

Tarikh	Peristiwa
6 dan 8 Ogos 1945	Pengeboman Hiroshima dan Nagasaki

Amerika Syarikat mengambil tindakan sedemikian kerana

- A mengelakkan perang berpanjangan
- B mengingkari Perjanjian Versailles
- C menguji kekuatan senjata
- D mengatasi masalah kemelesetan ekonomi

NAMA
TINGKATAN
NO. KAD PENGENALAN
ANGKA GILIRAN

							-			-			



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011 (OTI 2)
SEJARAH**

1249/2

Kertas 2
2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **butiran diri** anda pada ruang yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
3. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B.**
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam **kertas jawapan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
6. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan **helaian tambahan** daripada pengawas peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
8. Sekiranya anda ingin menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat, kemudian tuliskan jawapan yang baru.
9. Semua kertas jawapan hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Untuk kegunaan pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Disediakan oleh:
ARKAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak


[Lihat halaman sebelah]

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. Rajah berikut berkaitan dengan pengaruh Hindu-Buddha dalam kerajaan awal di Asia Tenggara.



- (a) Senaraikan **tiga** pengaruh Hindu dan Buddha yang terdapat dalam sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara.

- (i)
- (ii)
- (iii)

[3 markah]

- (b) Berikan **tiga** kepentingan bahasa Sanskrit dalam kerajaan awal.

- (i)
- (ii)
- (iii)

[3 markah]

- (c) Nyatakan **dua** maklumat pada batu bersurat yang terdapat di tapak-tapak sejarah awal di Asia Tenggara.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

- (d) Pada pendapat anda, apakah pengaruh Hindu dan Buddha yang masih diwarisi sehingga kini?

- (i)
- (ii)

[2 markah]

2. Jadual di bawah merujuk kepada pemerintahan Khulafa al-Rasyidin.

Nama Khalifah	Masa Pemerintahan
Khalifah Uthman bin Affan	644 – 656 M
Khalifah Abu bin Abu Talib	656 – 661 M

(a) Nyatakan sifat keperibadian yang dimiliki oleh Khalifah Uthman bin Affan.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Senaraikan sumbangan Khalifah Uthman bin Affan kepada kemajuan kerajaan Islam.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan latar belakang Saidina Ali bin Abu Talib.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Nyatakan bukti Khalifah Ali bin Abu Talib sentiasa berusaha mengekalkan kestabilan dan keharmonian negara.

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Pada pendapat anda, mengapakah Islam menekankan konsep syura dalam pemilihan pemimpin?

(i)

(ii)

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah]

3. Gambar di bawah menunjukkan lambang-lambang negara kita.



Bendera Malaysia (Jalur Gemilang)	Jata Negara
-----------------------------------	-------------

- (a) Siapakah yang mencipta bendera negara kita?
.....
[1 markah]
- (b) Senaraikan pihak yang terlibat sehingga terhasilnya bendera negara.
- (i)
(ii)
[2 markah]
- (c) Namakan **dua** buah negeri yang dikaitkan dengan lima bilah keris pada jata negara.
- (i)
(ii)
[2 markah]
- (d) Nyatakan maksud berikut sebagaimana yang terdapat pada bendera dan jata negara.
- (i) Bulan sabit berwarna kuning
.....
[1 markah]
- (ii) Bintang berpecah empat belas
.....
[1 markah]
- (iii) Warna kuning
.....
[1 markah]
- (e) Pada pandangan anda, apakah kepentingan lambang-lambang tersebut kepada negara kita?
- (i)
(ii)
[2 markah]

4. Perang Dunia Pertama merupakan konflik antarabangsa yang berlaku pada pertengahan abad ke-20.

(a) Namakan pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.

.....
[1 markah]

(b) Nyatakan **dua** negara yang terlibat dalam peperangan ini.

- (i)
(ii)
[2 markah]

(c) Senaraikan **dua** sebab berlakunya Perang Dunia Pertama.

- (i)
(ii)
[2 markah]

(d) Nyatakan **tiga** kesan Perang Dunia Pertama.

- (i)
(ii)
(iii)
[3 markah]

(e) Pada pandangan anda, apakah iktibar yang boleh diambil daripada Perang Dunia Pertama untuk memupuk keamanan dunia?

- (i)
(ii)
[2 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja.

5. Kedatangan Islam telah membawa pembaharuan dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu sejak abad ke-15 hingga kini.
 - (a) Jelaskan ciri-ciri pendidikan tidak formal dalam masyarakat Melayu tradisional. [7 markah]
 - (b) Terangkan perkembangan institusi pendidikan formal di Tanah Melayu setelah kedatangan Islam. [8 markah]
 - (c) Pada pandangan anda, apakah kepentingan bidang pendidikan untuk kegemilangan negara dan bangsa Malaysia? [5 markah]
6. Tanah merupakan sumber ekonomi terpenting masyarakat Melayu di Tanah Melayu sebelum kedatangan British.
 - (a) Nyatakan ciri-ciri pemilikan tanah masyarakat Melayu sebelum kedatangan British. [5 markah]
 - (b) Jelaskan undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu. [10 markah]
 - (c) Sekiranya anda memiliki tanah pusaka, bagaimanakah anda dapat mengekalkan hak milik tanah tersebut? [5 markah]
7. Apabila kuasa-kuasa Barat menguasai Asia Tenggara, sistem Birokrasi Barat telah diperkenalkan untuk menggantikan sistem pemerintahan beraja.
 - (a) Jelaskan sistem pemerintahan birokrasi Barat setelah kedatangan penjajah di negara:
 - (i) Burma [5 markah]
 - (ii) Indochina [5 markah]
 - (b) Jelaskan birokrasi Barat yang diperkenalkan oleh Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn di Thailand. [5 markah]
 - (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah sistem birokrasi Barat tidak disambut baik oleh penduduk tempatan? [5 markah]

8. Negara Malaysia dibentuk pada 16 September 1963.

- (a) Jelaskan cadangan-cadangan ke arah pembentukan Malaysia. [5 markah]
- (b) Terangkan langkah-langkah yang telah diambil ke arah pembentukan Malaysia. [10 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah faedah yang diperolehi daripada pembentukan Malaysia kepada rakyat pada hari ini? [5 markah]

9. Maklumat di bawah berkaitan dengan usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan kaum di Malaysia.



- (a) Nyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi memartabatkan bahasa Melayu. [6 markah]
- (b) Jelaskan tentang dasar-dasar berikut:
 - (i) Dasar Kebudayaan Kebangsaan [5 markah]
 - (ii) Sukan Untuk Perpaduan [5 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah perpaduan kaum perlu dipelihara dan diperkasakan dari semasa ke semasa? [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

1249/1&2(PP)



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

1249/1&2(PP)

SEJARAH

Kertas 1 & 2

Sept. 2011

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 20 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

KERTAS 1

Soalan	Jawapan	Soalan	Jawapan
1	A	21	A
2	C	22	B
3	B	23	B
4	C	24	A
5	C	25	D
6	A	26	D
7	A	27	B
8	C	28	D
9	A	29	A
10	D	30	C
11	C	31	D
12	A	32	B
13	B	33	C
14	C	34	A
15	D	35	C
16	D	36	B
17	C	37	D
18	A	38	D
19	D	39	B
20	B	40	A

RUMUSAN JAWAPAN

A 11
B 09
C 10
D 10

KERTAS 2

Soalan	Butiran	Markah
1 (a)	Senaraikan tiga pengaruh Hindu Buddha yang terdapat dalam sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara.	
F1	Penggunaan gelaran raja	1
F2	Raja berada di puncak pemerintahan/dibantu oleh golongan pembesar	1
F3	Raja berkuasa mutlak dalam semua aspek pemerintahan	1
F4	Perintah raja adalah undang-undang yang wajib dilaksanakan	1
F5	Melanggar perintah raja dianggap menderhaka	1
F6	Raja dikehendaki adil terhadap rakyat	1
F7	Raja dianggap bayangan tuhan/dewaraja	1
F8	Raja dipercayai memiliki kesaktian	1
F9	Raja dikaitkan dengan unsur mitos dan legenda	1
F10	Raja mewujudkan pelbagai adat istiadat seperti pertabalan	1
F11	Upacara pertabalan diketuai oleh golongan Brahmin	1
F12	Brahmin menjadi penasihat raja dalam soal agama	1
F13	Mendirikan kompleks kota melambangkan konsep alam semesta / orde kosmos	1
	[Mana-mana 3 x 1 m]	[3 m]
1 (b)	Berikan tiga kepentingan bahasa Sanskrit dalam kerajaan awal.	
F1	Meningkatkan bidang intelek masyarakat	1
F2	Merekod maklumat tentang agama / raja / pemerintahan / undang-undang	1
F3	Merupakan bahasa keagamaan	1
F4	Diserap / mempengaruhi bahasa Melayu	1
F5	Digunakan untuk menulis epik Hindu/kitab sastra/puisi/prosa	1
F6	Sebagai bahasa ilmu	1
F7	Sebagai bahasa komunikasi	1
	[Mana-mana 3 x 1 m]	[3 m]
1 (c)	Nyatakan dua maklumat pada batu bersurat yang terdapat di tapak-tapak sejarah awal di Asia Tenggara.	
F1	Maklumat tentang agama	1
F2	Maklumat pemerintahan	1
F3	Arahan / pemberitahuan/titah perintah raja	1
F4	Undang-undang	1
F5	Amaran raja kepada rakyat dan pembesar agar tidak menderhaka	1
F6	Menjelaskan tentang keturunan raja	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

[Lihat halaman sebelah]

1 (d)	Pada pendapat anda, apakah pengaruh Hindu dan Buddha yang masih diwarisi hingga kini?	
F1	Dalam bidang kesenian / pembinaan	1
F2	Adat budaya / seni tarian / muzik / perkahwinan	1
F3	Kesusasteraan	1
F4	Keagamaan	1
F5	Kitab-kitab perubatan lama / ramuan herba / pemakanan	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

Soalan	Butiran	Markah
2 (a)	Nyatakan sifat keperibadian yang dimiliki oleh Khalifah Uthman bin Affan.	
F1	Hartawan yang dermawan	1
F2	Bersifat lemah lembut	1
F3	Bertolak ansur	1
F4	Mempunyai sikap simpati yang tinggi terhadap golongan yang memerlukan	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]
2 (b)	Senaraikan sumbangan Khalifah Uthman bin Affan kepada kemajuan kerajaan Islam.	
F1	Meluaskan wilayah Islam hingga ke Afghanistan / Samarkand / Cyprus / Tripoli	1
F2	Mengukuhkan pertahanan	1
F3	Membina angkatan tentera laut pertama dalam sejarah Khulafa al-Rasyidin	1
F4	Agama Islam tersebar luas	1
F5	Menyelaraskan bacaan al-Quran / Mushaf Uthmani	1
F6	Membina jalan raya	1
F7	Membina jambatan	1
F8	Membina rumah rehat bagi kemudahan pengembara	1
F9	Berusaha meningkatkan ekonomi	1
F10	Mengukuhkan peranan baitulmal	1
F11	Menggunakan sumber baitulmal untuk membiayai pembangunan negara	1
F12	Memperkuatkan tentera laut Islam	1
F13	Membeli peralatan senjata / kapal	1
F14	Jizyah yang dikenakan kepada penduduk bukan Islam dikekalkan	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]
2 (c)	Nyatakan latar belakang Saidina Ali bin Abu Talib.	
F1	Keturunan Bani Hasyim	1
F2	Sepupu nabi Muhammad s.a.w.	1
F3	Memeluk Islam ketika berusia 10 tahun / kanak-kanak	1
F4	Berani	1
F5	Bersifat kepahlawanan	1
F6	Berwatak tegas	1
F7	Berpengetahuan luas dalam perundangan Islam	1
F8	Mempunyai kepakaran dalam selok belok hukum	1
F9	Cintakan kedamaian / keharmonian	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

[Lihat halaman sebelah]

2 (d)	Nyatakan bukti Khalifah Ali bin Abu Talib sentiasa berusaha mengekalkan kestabilan dan keharmonian negara.	
F1	Sanggup menghentikan Perang Siffin walaupun hampir mencapai kemenangan	1
F2	Sanggup berunding pihak lawan yang ingin berdamai	1
F3	Tidak mengabaikan pertahanan negara	1
F4	Membina markas tentera di Parsi	1
F5	Membina markas tentera di sempadan Syria	1
F6	Meneruskan kutipan jizyah	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]
2 (e)	Pada pendapat anda, mengapa Islam menekankan konsep syura dalam pemilihan pemimpin?	
F1	Menjamin bakal pentadbir yang tepat	1
F2	Memilih pemimpin yang benar-benar layak	1
F3	Memastikan pemimpin yang berhemah	1
F4	Pemimpin yang sentiasa berusaha memajukan umat	1
F5	Pemimpin yang sentiasa berusaha memajukan negara	1
F6	Memilih pemimpin yang cemerlang dalam pentadbiran	1
F7	Memastikan kelancaran pentadbiran	1
F8	Pemimpin yang mampu membawa kebahagiaan dunia akhirat (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

Soalan	Butiran	Markah
3 (a)	Siapakah yang mencipta bendera negara kita?	
F1	Encik Mohamad Hamzah	[1 m]
3 (b)	Senaraikan pihak yang terlibat sehingga terhasilnya bendera negara.	
F1	Majlis Perundangan Persekutuan	1
F2	Penglibatan 373 pereka	1
F3	Akhbar The Malay Mail	1
F4	King George VI	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]
3 (c)	Namakan dua buah negeri yang dikaitkan dengan lima bilah keris pada jata negara.	
F1	Perlis	1
F2	Kedah	1
F3	Kelantan	1
F4	Terengganu	1
F5	Johor	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]
3 (d)	Nyatakan maksud berikut sebagaimana yang terdapat pada bendera dan jata negara.	
(i)	Bulan sabit berwarna kuning	
F1	Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Malaysia	[1 m]
(ii)	Bintang berpecah empat belas	
F1	Gabungan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan dalam Persekutuan Malaysia	[1 m]
(iii)	Warna kuning	
F1	Melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu // Warna diraja	[1 m]

[Lihat halaman sebelah]

3 (e)	Pada pandangan anda, apakah kepentingan lambang-lambang tersebut kepada negara kita?	
F1	Rakyat dapat menunjukkan ketaatan dan kesetiaan terhadap tanah air	1
F2	Rakyat sanggup berkorban terhadap tanah air	1
F3	Taat kepada pemerintah	1
F4	Rakyat sentiasa bersemangat	1
F5	Simbol perpaduan	1
F6	Lambang kemegahan penduduk	1
F7	Membezakan Malaysia dengan negara lain	1
F8	Melambangkan kedaulatan sesebuah negara	1
F9	Memupuk semangat bersyukur	1
F10	Menyemarakkan semangat patriotisme	1
F11	Memupuk kesetiaan kepada raja	1
F12	Lambang jati diri bangsa dan negara	1
F13	Lambang identiti negara	1
F14	Menimbulkan perasaan bangga terhadap negara	1
F15	Simbol kedaulatan negara	1
F16	Melahirkan perasaan kecintaan terhadap tanah air	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

Soalan	Butiran	Markah
4 (a)	Namakan dua pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.	
F1	Perikatan Kuasa Tengah	1
F2	Pakatan Bertiga	1
	[Mana-mana 1 x 1 m]	[1 m]
4 (b)	Nyatakan dua negara yang terlibat dalam peperangan ini.	
F1	Jerman	1
F2	Austria-Hungary	1
F3	Itali	1
F4	Turki	1
F5	Bulgaria	1
F6	Britain	1
F7	Perancis	1
F8	Rusia	1
F9	Itali	1
F10	Jepun	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]
4 (c)	Senaraikan dua sebab berlakunya Perang Dunia Pertama.	
F1	Faktor politik / ekonomi	1
F2	Kemunculan nasionalisme	1
F3	Kewujudan sistem pakatan negara-negara Eropah/wujudnya Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga	1
F4	Persaingan kuasa-kuasa besar merebut peluang ekonomi	1
F5	Berusaha mendapatkan tanah jajahan	1
F6	Ingin membuktikan kekuasaan masing-masing	1
F7	Kemunculan imperialis baru/ingin membentuk lingkungan pengaruh masing-masing	1
F8	Keperluan bahan mentah dan pasaran	1
F9	Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand pewaris takhta Austria-Hungary	1
F10	Jerman menyerang Perancis melalui Belgium	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

[Lihat halaman sebelah]

4 (d)	Nyatakan tiga kesan Perang Dunia Pertama.	
F1	Tamatkan pemerintahan beraja di Eropah	1
F2	Termeterai Perjanjian Versailles pada Jun 1919	1
F3	Terbentuk beberapa buah negara baru	1
F4	Berubahnya peta Eropah	1
F5	Penubuhan Liga Bangsa	1
F6	Menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa serta menjamin keselamatan bersama	1
F7	Negara-negara berperang mengalami inflasi	1
F8	Berlakunya pengangguran	1
F9	Menanggung hutang peperangan yang tinggi	1
F10	Pasaran dunia dikuasai oleh Amerika Syarikat dan Jepun	1
F11	Britain kehilangan 1/3 daripada sumber perdagangan luar	1
F12	Kehilangan nyawa yang ramai	1
	[Mana-mana 3 x 1 m]	[3 m]
4 (e)	Pada pandangan anda, apakah iktibar yang boleh diambil daripada Perang Dunia Pertama untuk memupuk keamanan dunia?	
F1	Elakkan daripada peperangan	1
F2	Hubungan yang baik dengan semua negara / diplomatik	1
F3	Perpaduan di kalangan rakyatnya	1
F4	Menghormati kedaulatan negara lain	1
F5	Perlumbaan senjata harus dielakkan	1
F6	Kerjasama antara negara dalam pelbagai bidang	1
F7	Menyelesaikan masalah melalui rundingan	1
F8	Menyertai pertubuhan serantau/antarabangsa	1
F9	Tidak menjalankan dasar penjajahan	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2 m]

Soalan	Butiran	Markah
5 (a)	Jelaskan ciri-ciri pendidikan tidak formal dalam masyarakat Melayu tradisional.	
F1	Pendidikan awal / asuhan yang berlaku dalam institusi keluarga	1
F2	Penekanan terhadap pengajaran nilai-nilai moral	1
F3	Pembelajaran melalui pendengaran / penglihatan / pemerhatian	1
F4	Kanak-kanak memperoleh kemahiran daripada ibu bapa menerusi pemerhatian / latihan	1
H4a	Dalam bidang pertanian / perikanan / kraf tangan / pertukangan	1
F5	Ibu bapa mengajar mengenai agama / kelakuan / adat resam / sikap bersopan-santun / cara berkawan / menjaga maruah	1
F6	Nilai murni diserapkan melalui cerita lisan	1
F7	Kaedah bercerita paling berkesan / digemari oleh kanak-kanak	1
F8	Cerita berbentuk teladan / pengajaran selalunya diberi penekanan	1
H8a	Melalui cerita binatang / cerita jenaka	1
C8a	Cerita anjing dengan bayang-bayang memberi pengajaran supaya jangan tamak	1
C8b	Cerita-cerita Sang Kancil menekankan kebijaksanaan dapat menyelesaikan masalah	1
F9	Kanak-kanak mempelajari pantang-larang/adat istiadat melalui pergaulan sosial	1
F10	Kanak-kanak dinasihatkan tunduk/menghulurkan tangan apabila lalu di hadapan orang	1
F11	Pendidikan melalui peribahasa	1
C11a	Pepatah Siakap senohong gelama ikan duri, bercakap bohong lama-lama mencuri	1
H11a	Mengajar anak-anak berkelakuan baik / jangan berbohong	1
F12	Pendidikan melalui teka-teki	1
F13	Pendidikan melalui pantun	1
	[Mana-mana 7 x 1 m]	[7 m]

[Lihat halaman sebelah]

5 (b)	Terangkan perkembangan institusi pendidikan formal di Tanah Melayu setelah kedatangan Islam.	
F1	Pendidikan di rumah	1
H1a	Menekankan aspek pengajaran al-Quran	1
H1b	Pendidikan diadakan di rumah tok guru	1
H1c	Murid-murid terdiri kanak-kanak berumur tujuh hingga lima belas tahun	1
H1d	Pengajaran ini menjadi asas kepada pendidikan selanjutnya	1
F2	Pendidikan di istana	1
H2a	Pusat pendidikan dan ilmu pengetahuan	1
H2b	Peranan istana Melaka sebagai pusat pengajian agama	1
C2a	Sultan Mansur Shah berguru dengan Maulana Abu Bakar	1
C2b	Sultan Mahmud Shah / Raja Ahmad berguru dengan Maulana Sadar Jahan	1
H2c	Ramai ulama / pendakwah menetap di Melaka	1
H2d	Kerajaan Melaka memberi perhatian terhadap ilmu pengetahuan	1
H2e	Minat pemerintah Melaka terhadap ilmu pengetahuan	1
C2c	Kitab al-Dur al-Manzum / Mutiara Tersusun diarak hingga ke balairung istana Melaka	1
C2d	Sultan Mansur berminat dengan pengajian tasawuf	1
H2f	Istana Johor menjadi pusat pengajian semasa pemerintahan Sultan Alaudin Riayat Shah	1
H2g	Tempat menyimpan buku hikayat	1
C2e	Hikayat Amir Hamzah / Hikayat Muhammad Ali Hanafiah	1
F3	Pendidikan di masjid / surau	1
H3a	Sebagai pusat pertemuan masyarakat	1
H3b	Tempat paling sesuai untuk mengembangkan ilmu Islam	1
H3c	Kanak-kanak diajar ilmu fikah / tajwid / cara bacaan dalam sembahyang	1
H3d	Sebelah malam menjadi pusat pengajian kepada orang dewasa	1
H3e	Pengajaran merangkumi ilmu fikah / usuludin / hadis / tasawuf	1
H3f	Tahapnya lebih tinggi	1
F4	Sistem pendidikan pondok	1
H4a	Pendidikan formal yang lebih teratur	1
H4b	Memberi penekanan kepada ilmu agama	1
H4c	Bermula di Pattani dan berkembang di negeri-negeri lain	1
H4d	Di Tanah Melayu terdapat di negeri Kedah / Perlis / Kelantan / Terengganu	1
C4a	Contoh Pondok Pulau Manis di Terengganu / Pondok Pulau Condong di Kelantan / Pondok Titi Gajah di Kedah	1
H4e	Pendidikan pondok menyediakan pelajar-pelajar menjadi guru agama / berkhidmat kepada masyarakat	1
H4f	Pengajian di pondok tidak mempunyai batasan waktu	1
H4g	Pelajarnya akan mengambil masa yang panjang / sehingga 10 tahun sebelum menamatkan pengajian	1
F5	Sistem pendidikan madrasah	1
H5a	Berdasarkan sukatan pelajaran	1

H5b	Dilaksanakan mengikut kelas	1
H5c	Pendidikan madrasah terbahagi kepada tahap permulaan / pertengahan / pengkhususan	1
H5d	Perjalanan madrasah diawasi oleh mudir / guru besar	1
H5e	Diselia oleh sebuah lembaga	1
H5f	Wujud jawatankuasa kewangan	1
	[Mana-mana 8 x 1 m]	[8 m]
5 (c)	Pada pandangan anda, apakah kepentingan bidang pendidikan untuk kegemilangan negara dan bangsa Malaysia?	
F1	Melahirkan manusia berakhlak mulia	1
F2	Melahirkan warganegara yang mematuhi undang-undang	1
F3	Mengukuhkan semangat patriotisme rakyat	1
F4	Mengukuhkan perpaduan antara kaum	1
F5	Meningkatkan taraf hidup penduduk	1
F6	Meningkatkan bilangan pekerja mahir	1
F7	Memajukan ekonomi negara	1
F8	Memajukan teknologi canggih / inovasi	1
F9	Menguasai ilmu pengetahuan	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5 m]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan	Butiran	Markah
6 (a)	Nyatakan ciri-ciri pemilikan tanah masyarakat Melayu sebelum kedatangan British.	
F1	Pemilikan / penggunaan tanah tidak menjadi persoalan utama	1
F2	Kadar cukai ditentukan oleh pembesar	1
F3	Aktiviti ekonomi yang hendak diusahakan mestilah mendapat kebenaran daripada para pembesar	1
F4	Kebeneran pembesar juga mesti diperolehi untuk mengusahakan sesuatu bidang tanah	1
F5	Tanah merupakan sumber ekonomi	1
F6	Tanah menjadi tunggak kuasa politik	1
F7	Tanah mencerminkan kedudukan sosial pembesar Melayu	1
F8	Sesuatu kawasan tanah akan menjadi milik peneroka	1
F9	Tanah menjadi milik orang yang mengerjakan tanah tersebut	1
F10	Tanah boleh diwarisi oleh generasi yang terkemudian	1
F11	Tidak mempunyai rekod/catatan mengenai pemilikan seseorang	1
F12	Tidak ada undang-undang/peraturan mengenai pemilikan tanah	1
	[Mana-mana 5 x 1m]	[5 m]
6 (b)	Jelaskan undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu.	
F1	Mempunyai rekod bertulis / bukti pemilikan terhadapnya	1
H1a	Untuk menjamin / mengesahkan pemilikan tanah	1
H1b	Memudahkan urusan pentadbiran	1
C1a	Seperti urusan cukai / pajakan / sewa beli / penjualan / pembelian / cagaran	1
F2	Memperkenalkan undang-undang tanah mengikut sistem Barat	1
H2a	Memudahkan kerja pentadbiran tanah / pembangunan ekonomi	1
C2a	Peraturan Tanah Perak 1879 / Kanun Tanah Selangor 1891 / Peraturan Tanah Sungai Ujong 1887	1
F3	Membahagikan tanah mengikut kegunaan / nilai komersial	1
H3a	Tanah ladang, Tanah peribumi dan Tanah perlombongan	1
H3b	Kadar cukai bergantung kepada jenis tanah yang dimiliki / diusahakan	1
F4	Individu / syarikat yang berminat untuk mengusahakan sesuatu kawasan mestilah membuat permohonan di Pejabat Tanah	1
H4a	Kebeneran daripada Pejabat Tanah diperlukan untuk mengutip sumber hutan	1
C4a	Seperti nipah / damar / rotan	1
F5	Residen negeri berkuasa menentukan jumlah kawasan konsesi tanah untuk diberikan kepada para pemodal	1
F6	Memperkenalkan Akta Tanah Simpanan Melayu (TSM)	1
H6a	Diluluskan oleh Majlis Persekutuan	1
H6b	Untuk menjamin kelangsungan masa depan ekonomi/sosial/politik orang Melayu	1

H6c	Bertujuan mengelakkan tanah milik Melayu berpindah kepada orang asing	1
H6d	Residen berkuasa mengisytiharkan tanah milik orang Melayu sebagai Tanah Simpanan Melayu (TSM)	1
H6e	Menyelamatkan tanah tersebut daripada dijual / dipajak gadai / ditukar milik kepada orang bukan Melayu	1
H6f	Tanah Simpanan Melayu sebenarnya melindungi kepentingan ekonomi pihak British	1
H6g	Orang Melayu tidak dibenarkan menanam tanaman komersial di kawasan TSM	1
H6h	Kebanyakan kawasan TSM tidak subur	1
H6i	Tidak sesuai digunakan untuk kegiatan ekonomi perladangan	1
H6j	Kawasan yang subur keluasannya terlalu kecil	1
	[Mana-mana 10 x 1 m]	[10 m]
6 (c)	Sekiranya anda memiliki tanah pusaka, bagaimanakah anda dapat mengekalkan hak milik tersebut?	
F1	Tidak menjual tanah tersebut	1
F2	Memajukan tanah yang dimiliki	1
F3	Mengusahakannya dengan aktiviti yang menguntungkan	1
F4	Memberikan pendidikan/ilmu tentang kepentingan tanah	1
F5	Memberikan kesedaran pentingnya tanah pusaka untuk kelangsungan hidup	1
F6	Menguatkuasakan undang-undang melarang tanah pusaka daripada dijual kepada orang asing	1
F7	Menubuhkan syarikat mengurus hartanah pusaka	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5 m]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan	Butiran	Markah
7 (a)	Jelaskan sistem pemerintahan birokrasi Barat setelah kedatangan penjajah di negara:	
	(i) Burma	
F1	Penguasaan British ke atas Burma menyebabkan Dinasti Konbaung berakhir	1
F2	Institusi raja tersingkir	1
F3	Jawatan pembesar tradisional pada peringkat pusat terhapus	1
F4	Pesuruhjaya Tinggi British menjadi pemerintah tertinggi Burma	1
F5	British memperkenalkan Akta Kampung Ulu Burma	1
F6	British memperkenalkan Akta Perkampungan Burma	1
F7	Sistem pentadbiran tradisional juga lenyap	1
F8	Pentadbiran daerah diambil alih oleh Myo-ok (pegawai bandaran)	1
F9	Sistem undang-undang Barat diperkenalkan	1
F10	Pengaruh golongan agama merosot	1
F11	Fungsi raja sebagai penaung sami Buddha telah diambil alih oleh undang-undang Barat	1
F12	Majlis Perundangan telah diperkenalkan	1
F13	Beberapa jabatan ditubuhkan	1
C13a	Jabatan Perhutanan / Jabatan Kesihatan / Jabatan Pelajaran [Mana-mana 5 x 1 m]	1 [5 m]
	(ii) Indochina	
F1	Pentadbiran di Indochina diketuai oleh seorang Gabenor Jeneral	1
F2	Gabenor Jeneral ini bertanggungjawab terus kepada Kementerian Tanah Jajahan di Paris	1
F3	Di bawah Gabenor Jeneral terdapat Leftenan Jeneral yang memerintah di peringkat wilayah jajahan / naungan	1
F4	Terdapat juga Residen Jeneral	1
F5	Di bawah Residen Jeneral, terdapat Residen Wilayah	1
F6	Perancis juga membentuk kerajaan Pusat	1
F7	Penubuhan Union Indochinoise	1
H7a	Union Indochinoise terdiri daripada Vietnam, Kemboja dan Laos	1
F8	Semua undang-undang di Indochina diluluskan oleh Parlimen Perancis	1
F9	Pentadbiran kerajaan tempatan tidak dicampuri kerajaan pusat	1
F10	Kerajaan tempatan perlu membayar cukai dan menyediakan kerahan tenaga [Mana-mana 5 x 1 m]	1 [5 m]

7 (b)	Jelaskan birokrasi Barat yang diperkenalkan oleh Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn di Thailand sebelum tercetusnya Revolusi Thailand 1932.	
F1	Raja Mongkut telah melantik 80 orang Penasihat Barat	1
H1a	Penasihat Barat mengetuai pelbagai jabatan	1
H1b	Mereka juga melatih pegawai-pegawai tempatan	1
H1c	Penasihat kewangan / pelabuhan / polis dibawa dari Britain	1
H1d	Penasihat kastam dari Amerika Syarikat	1
H1e	Ketenteraan dari Perancis	1
F2	Raja Chulalongkorn memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah	1
H2a	Raja Chulalongkorn memperkenalkan Majlis Mesyuarat Tertinggi	1
H2b	Raja Chulalongkorn memperkenalkan Kabinet Menteri	1
H2c	Juruaudit dari Britain berkhidmat dalam perbendaharaan negara	1
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5 m]
7 (c)	Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah sistem birokrasi Barat tidak disambut baik oleh penduduk tempatan?	
F1	Melantik Gabenor Jeneral / Pesuruhjaya Tinggi sebagai pentadbir pusat	1
F2	Menghapuskan jawatan pembesar tradisional di peringkat pusat	1
F3	Raja kehilangan kuasa	1
F4	Memansuhkan fungsi raja sebagai penaung agama	1
F5	Menjalankan pentadbiran melalui biro yang diketuai oleh pegawai Barat	1
F6	Memperkenalkan undang-undang Barat	1
F7	Meluluskan undang-undang bagi tanah jajahan di negara mereka	1
F8	Memperkenalkan sistem kehakiman Barat	1
F9	Melaksanakan sistem pungutan cukai	1
F10	Memaksa raja menerima penasihat Barat	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	1
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5 m]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan	Butiran	Markah
8 (a)	Jelaskan cadangan-cadangan ke arah pembentukan Malaysia.	
F1	Lord Brassey / Pengarah Syarikat Borneo Utara	1
H1a	Mencadangkan Sabah, Sarawak, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat digabungkan	1
F2	Sir Malcolm MacDonald/Gabenor Jeneral Asia Tenggara	1
H2a	Mencadangkan Sarawak, Sabah, Brunei, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan	1
F3	Dato' Onn Ja'afar(1956)	1
H3a	Mencadangkan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dinamakan Malaysia	1
H3b	Mencadangkan Sarawak, Sabah, Brunei, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu digabungkan	1
F4	Cadangan daripada pemimpin Singapura seperti Lim Yew Hock, David Marshall dan Lee Kuan Yew	1
H4a	Mendesak British berunding dengan Tunku Abdul Rahman	1
H4b	Mengabungkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu sahaja	1
H4c	Tidak dipersetujui oleh Tunku Abdul Rahman	1
H4d	Bimbang berlaku ketidakseimbangan penduduk	1
H4e	Akhirnya Tunku Abdul Rahman bersetuju dengan gagasan Malaysia	1
H4f	Mengumumkan cadangan gagasan Malaysia di Singapura / Hotel Adelphi	1
H4g	Menjamin kedudukan politik yang lebih kukuh	1
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5 m]

8 (b)	Terangkan langkah-langkah yang telah diambil ke arah pembentukan Malaysia.	
F1	Tunku Abdul Rahman telah mengadakan lawatan ke Sarawak / Sabah / Brunei	1
H1a	Untuk menerangkan konsep/tujuan/matlamat penubuhan Malaysia	1
F2	Rundingan telah dijalankan	1
H2a	Antara pegawai kanan Persekutuan Tanah Melayu dengan pegawai British dari Sarawak / Sabah / Singapura	1
F3	Hasilnya Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) ditubuhkan di Singapura	1
H3a	Berperanan menerangkan kepada orang ramai tentang pembentukan Malaysia	1
H3b	Mengumpulkan pandangan penduduk	1
H3c	Menggalakkan kegiatan ke arah pembentukan Malaysia	1
H3d	Mesyuarat jawatankuasa telah berlangsung di Jesselton / Kuching / Kuala Lumpur / Singapura	1
H3e	Brunei telah menghantar pemerhatinya menghadiri tiga mesyuarat terakhir JPPK	1
F4	Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan oleh kerajaan British	1
H4a	Ahli-ahli JPPK yang mengadakan mesyuarat sepakat mengemukakan satu memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold	1
H4b	Memberi pertimbangan supaya pandangan Sabah dan Sarawak dimasukkan ke dalam perlembagaan baru	1
H4c	Suruhanjaya Cobbold meninjau pendapat rakyat Sabah / Sarawak tentang gagasan Malaysia	1
H4d	Menerima memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pertubuhan	1
H4e	Membuat penilaian/mengemukakan cadangan kepada British	1
F5	Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) dibentuk	1
H5a	Untuk memperincikan cadangan dari Suruhanjaya Cobbold	1
H5b	Pengerusi JAK (Lord Landsdowne) / Tun Abdul Razak mengunjungi Sabah / Sarawak bagi menerangkan penubuhan Malaysia	1
H5c	Bermesyuarat sebanyak 24 kali	1
H5d	Bagi mewajarkan tentang kemasukan Sabah / Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia	1
H5e	Turut membincangkan hak / kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia	1
F6	Tentangan daripada Indonesia dan Filipina	1
H6a	Menyulitkan proses pembentukan Malaysia	1
H6b	Perjumpaan tiga pihak antara Malaysia, Indonesia dan Filipina	1
H6c	Diadakan bagi mengurangkan ketegangan	1
F7	Sidang kemuncak antara ketua kerajaan ketiga-tiga negara bagi mencari jalan penyelesaian diadakan	1
H7a	Tunku Abdul Rahman / Presiden Soekarno / Macapagal telah bertemu	1
H7b	Hasilnya MAPHILINDO ditubuhkan	1
H7c	Ketiga-tiga negara bersetuju mencari jalan penyelesaian	1

[Lihat halaman sebelah]

F8	Perwakilan Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dibentuk / United Nations Malaysia Mission (UNMM)	1
H8a	Dengan bantuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu	1
F9	Setiausaha Agong PBB telah menghantar wakilnya, Lawrence Michaelmore bersama-sama tujuh orang wakil	1
H9a	Meninjau sekali lagi pendapat rakyat Sabah / Sarawak	1
H9b	Hasilnya, majoriti penduduk Sabah/Sarawak bersetuju menyertai Malaysia	1
H9c	Pengisytiharannya pada 16 September 1963	1
	[Mana-mana 10 x 1 m]	[10 m]
8 (c)	Berdasarkan pengetahuan anda, apakah faedah yang diperolehi daripada pembentukan Malaysia kepada rakyat pada hari ini?	
F1	Keluasan negara bertambah	1
F2	Bilangan penduduk bertambah	1
F3	Pertahanan negara kukuh	1
F4	Komunis dapat diatasi	1
F5	Penjajahan asing ditamatkan	1
F6	Memperkayakan budaya negara	1
F7	Meluaskan pasaran negara	1
F8	Negeri kurang maju dapat dibangunkan	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5 m]

Soalan	Butiran	Markah
9 (a)	Nyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi memartabatkan bahasa Melayu.	
F1	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1
F2	Termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957	1
F3	Dewan Bahasa dan Pustaka/DBP ditubuhkan	1
F4	Pelancaran Minggu Bahasa bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu	1
F5	Pelancaran Bulan Bahasa bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu	1
F6	Pelancaran slogan Bahasa Jiwa Bangsa	1
F7	Penubuhan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar	1
C7a	Sekolah Alam Shah / Sekolah Sri Putri / Sekolah Sultan Abdul Halim	1
F8	Meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan	1
F9	Bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris ditukar kepada bahasa kebangsaan secara berperingkat	1
F10	Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia	1
F11	Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar	1
F12	Membuktikan bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu	1
F13	Tahun 1982, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah menggantikan bahasa Inggeris	1
F14	Penggunaan bahasa Melayu di mahkamah pada tahun 1990 [Mana-mana 6 x 1 m]	1 [6 m]
9 (b)	Jelaskan tentang dasar-dasar berikut: (i) Dasar Kebudayaan Kebangsaan	
F1	Lahir daripada gagasan Kongres Kebudayaan Kebangsaan	1
F2	Dianjur oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	1
F3	Digubal untuk menjadi panduan dalam membentuk/mengekalkan identiti negara Malaysia	1
F4	Bertujuan memperkukuhkan perpaduan melalui kebudayaan	1
F5	Memupuk / memelihara keperibadian kebangsaan	1
F6	Memperkaya / meningkatkan kualiti kehidupan dari aspek kemanusiaan dan kerohanian	1
F7	Seimbang dengan pembangunan sosioekonomi	1
F8	Terdapat tiga prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan	1
F9	Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang	1
F10	Unsur-unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai boleh diterima	1
F11	Islam sebagai unsur yang terpenting [Mana-mana 5 x 1 m]	1

[Lihat halaman sebelah]

	(ii) Sukan Untuk Perpaduan	
F1	Berperanan sebagai alat perpaduan tanpa mengira ideologi	1
F2	Menyemarakkan semangat patriotik di kalangan rakyat	1
F3	Penyertaan aktiviti sukan tidak terhad kepada kaum tertentu	1
F4	Membuka peluang seluas-luasnya bagi mereka yang berminat	1
F5	Peringkat sekolah, sukan adalah aktiviti kokurikulum	1
F6	Penubuhan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia/MSSM	1
F7	MSSM ditubuhkan diperingkat daerah/negeri/kebangsaan untuk menggalakkan aktiviti sukan	1
F8	Mengadakan temasya Sukan Malaysia (SUKMA) setiap dua tahun sekali peringkat awal	1
F9	SUKMA mula diadakan setiap tahun	1
F10	SUKMA jelas memainkan peranan mengeratkan perpaduan antara kaum / hubungan antara negeri	1
F11	Aktiviti sukan dapat memupuk perpaduan dalam kalangan pemain / penonton / penggiat sukan	1
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5 m]
9 (c)	Pada pendapat anda, mengapakah perpaduan kaum perlu dipelihara dan diperkasakan dari semasa ke semasa?	
F1	Memastikan keamanan negara berkekalan	1
F2	Wujud kehidupan/suasana harmoni dalam kalangan rakyat	1
F3	Dapat membangkitkan rasa cinta akan negara	1
F4	Mengelak daripada penjajahan kuasa asing	1
F5	Memastikan ekonomi negara terus berkembang	1
F6	Dapat menarik kedatangan pelabur asing	1
F7	Akan dihormati oleh negara luar	1
F8	Kemajuan negara akan berterusan/berkembang pesat	1
F9	Wujud kerjasama antara rakyat yang berbilang kaum	1
F10	Sebarang pertikaian akan dapat diatasi secara rundingan dan tolak ansur kaum	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4 m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT